

SELAMAT DATANG KE IPDAS

Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) atau dulunya dikenali sebagai Pusat Latihan Dakwah Keningau (PLDK) telah dibangunkan pada 10 Oktober 1979 dan merupakan sebuah institusi pengajian Islam di bawah pengurusan dan pentadbiran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). IPDAS menawarkan tiga (3) program utama iaitu;

1. Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI)
2. Sijil Pengajian Islam (SPI)
3. Sijil Asas Pengajian Islam Malaysia (SAPIM)

VISI, MISI & OBJEKTIF IPDAS

Visi - Peneraju pendidikan tinggi islam yang bersepadu di Sabah bagi menjana kecemerlangan generasi Rabbani untuk kesejahteraan ummah sejagat

Misi - Menyediakan program pendidikan tinggi islam yang bersepadu, merangkumi ilmu Naqli dan Aqli serta kemahiran dan keusahawanan untuk melahirkan graduan berimpak tinggi

Objektif - Sebagai sebuah Institut yang berteraskan pengajian islam, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah bertekad untuk :

1. Melahirkan generasi Rabbani yang berpendidikan tinggi dan menguasai ilmu Naqli dan Aqli.
2. Melengkapi mahasiswa dengan pelbagai dimensi kemahiran insaniah dan keusahawanan bagi menyediakan keperluan guna tenaga ummah.
3. Melahirkan modal insan yang berkeupayaan untuk menjadi umarah dan pendakwah profesional serta tempat rujukan masyarakat berdasarkan fahaman ASWAJA di Sabah.

DIPLOMA DAKWAH ISLAMIAH (DDI)

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang daripada tujuh belas (17) tahun pada tarikh permohonan;
- (c) memiliki mana-mana satu kelayakan berikut;
 - (i) lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperoleh kepujian lima (5) mata pelajaran berikut;
 - A. Bahasa Melayu;
 - B. mana-mana mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah atau Pendidikan Islam atau Tasawwur Islam atau Bahasa Arab; dan
 - C. mana-mana tiga (3) mata pelajaran lain; atau
 - (ii) apa-apa kelayakan lain yang diiktiraf dengan sub-perenggan (i); atau
 - (iii) lulus Sijil Pengajian Islam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan dengan purata nilai gred kumulatif (PNGK) 3.0 dan ke atas; atau
 - (iv) lulus sijil Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL.A); dan
- (d) lulus temu duga.

SIJIL PENGAJIAN ISLAM (SPI)

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang daripada tujuh belas (17) tahun pada tarikh permohonan;
- (c) memiliki mana-mana satu kelayakan berikut;
 - (i) lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperoleh kepujian tiga (3) mata pelajaran berikut;
 - A. Bahasa Melayu;
 - B. mana-mana mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah atau Pendidikan Islam atau Tasawwur Islam atau Bahasa Arab; dan
 - C. mana-mana satu (1) mata pelajaran lain; atau
 - (ii) apa-apa kelayakan lain yang diiktiraf dengan sub-perenggan (i); atau
 - (iii) lulus Sijil Asas Pengajian Islam Malaysia (SAPIM) IPDAS Kampus Kudat dengan purata nilai gred kumulatif (PNGK) 3.5 dan ke atas dengan kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM); dan
- (d) lulus temu duga.

SIJIL ASAS PENGAJIAN ISLAM MALAYSIA (SAPIM)

Syarat kelayakan pengambilan pelajar baharu SAPIM

1. Warganegara Malaysia dan berumur **tidak kurang** dari 18 tahun;
2. Berkemampuan untuk membaca, berkomunikasi dalam bahasa Melayu, dan menulis, dan
3. Lulus temu duga

SYARAT TAMBAHAN BAGI PENGAMBILAN PELAJAR TAHFIZ DAN PONDOK

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur 18 tahun ke atas;
3. Belum berkahwin;
4. Keutamaan diberikan kepada pelajar tahfiz atau pondok di negeri Sabah yang tidak memiliki Sijil Pelajaran Malaysia;
5. Memiliki sijil tamat pengajian-pengajian yang diktiraf oleh Maahad Tahfiz atau Sekolah Pondok;
6. Telah menamatkan hafalan 30 juzuk al-Quran;



Maklumat Pengambilan

1. Iklan di akhbar-akhbar tempatan
2. Iklan melalui hebahan radio tempatan
3. Iklan melalui laman sesawang ;
ipdas.edu.my
4. Iklan melalui laman sosial Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah;
Facebook, dan Instagram

Maklumat Pengambilan

Diperakui Oleh

Malaysia Qualification Agency
(MQA) - (MQA/PA 7518) -



Hubungi Kami di

INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN
DAKWAH SABAH (KENINGAU)

087- 331 868

INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN
DAKWAH SABAH (KUDAT)

088- 612 359

UNTUK MAKLUMAT LEBIH LANJUT

Web ipdas.edu.my Email ipdas@islam.gov.my

SCAN QR
UNTUK LEBIH LANJUT

A photograph of two women in hijab, one in a pink hijab and the other in a grey hijab, both wearing traditional Malay clothing (baju melayu). They are holding open books and pointing upwards with their right hands, possibly indicating something important or asking a question. The background is a blurred landscape.



SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

INSTITUT
PENGAJIAN ISLAM DAN
DAKWAH SABAH



JAKIM
MAJLIS AKREDITASI KURIKULUM
MINISTRY OF HIGHER EDUCATION
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
Malaysian Qualifications Agency